

15/03/1997

Mahathir melawat Pahang dua hari

KUANTAN, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai jadual yang ketat sepanjang lawatan rasmi selama dua hari ke Pahang, mulai Isnin ini.

Pada sebelah pagi, beliau akan merasmikan serentak kilang Grace Packaging (M) Sdn Bhd dan Grace Speciality Chemicals (M) Sdn Bhd, milik Kumpulan W R Grace & Co (WR Grace) dari Amerika Syarikat, di kawasan perindustrian Gebeng, dekat sini.

Selepas itu, Perdana Menteri berlepas ke Gambang, kira-kira 50 kilometer dari Gebeng, untuk merasmikan Bandar MEC, pusat pengeluaran barangan elektrik nasional, seluas 1,200 hektar.

Di bandar itu, Dr Mahathir akan menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mencipta logo MEC dan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian kerjasama teknikal antara MEC dan syarikat asing seperti Kumpulan Samsung dari Korea Selatan.

Beliau juga akan menyampaikan sijil pelantikan pengedar kepada 17 pengusaha dari seluruh negara.

Dr Mahathir berlepas ke Tasik Chini selepas menikmati makan tengahari di bandar itu, untuk meninjau tapak empangan serta mendengar taklimat mengenainya selain melawat tasik dengan bot.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri bertolak ke Taman Negara, Kuala Tahan, dekat Jerantut, untuk bermalam di Taman Negara Resort.

Beliau akan merasmikan jambatan atas pokok yang terpanjang di dunia, pada hari berikutnya, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

(END)